

Penghormatan bagi saya, kata Lee Kim Sai

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Menteri baru di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Lee Kim Sai mensifatkan perlantikan bellau sebagai satu penghormatan baginya untuk meneruskan perkhidmatan kepada negara, bangsa dan agama.

"Perlantikan ini juga satu penghargaan kepada Pergerakan Pemuda MCA dan seluruh ahlinya," katanya.

Bellau berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi peluang dan kepercayaan kepadanya untuk memberi perkhidmatan kepada kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah.

"Saya akan berusaha berdasarkan konsep ini untuk berkhidmat kepada negara, bangsa dan agama," jelas Datuk Lee kepada *Berita Harian*.

Datuk Lee tidak dapat menjelaskan tugasnya sebagai Timbalan Menteri, terutama dari konteks bagaimana Pergerakan Pemuda MCA dapat memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan negara "kerana saya masih belum mendapat arahan dari Datuk Seri Dr Mahathir mengenai tugas saya."

Katanya, bellau juga berharap akan dapat menyesuaikan dirinya dalam jawatan barunya.

Datuk Lee yang pertama kali dilantik menganggotai Kerajaan, dilahirkan pada 1 Mac 1934.

Bellau telah mendirikan rumahtangga dengan seorang guru dan mempunyai empat anak (dua lelaki dan dua perempuan), yang sulung (lelaki) berusia 20 dan bongsu (lelaki) dalam Tingkatan Dua.

Ayahnya, seorang bekas peniaga kecil, meninggal dunia ketika Datuk Lee berusia 10 tahun.

Ibu Datuk Lee kini berusia 78 tahun.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia